

SKEMA JAWAPAN
PENGAJIAN AM
KERTAS 2
(SET 1)

1 Berikan **tiga** alasan rakyat Malaysia perlu berpegang teguh kepada prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan. [3]

- (a)
- (b)
- (c)
- (d)

| Bil | Isi |
|-----|-------------------------------------------------|
| 1 | Agama dapat mengukuhkan jati diri |
| 2 | Agama dapat membentuk moral dan etika yang baik |
| 3 | Agama dapat mengukuhkan ikatan pelbagai kaum |
| 4 | Agama dapat menjamin kesejahteraan hidup rakyat |
| 5 | Agama dapat menjamin keselamatan rakyat |

Pilih mana-mana **tiga** idea

2 Nyatakan **empat** teras Dasar Pembangunan Luar Bandar. [4]

- (a)
- (b)
- (c)
- (d)

Skema jawapan :

| Bil | Isi/Idea |
|-----|--------------------------------------------------------------|
| 1 | Ekonomi berdaya saing dan mampan |
| 2 | Keusahawanan pemacu pembangunan ekonomi |
| 3 | Modal insan berkualiti |
| 4 | Prasarana lengkap dan canggih |
| 5 | Keunggulan generasi belia luar bandar |
| 6 | Wanita luar Bandar yang progresif |
| 7 | Kehidupan luar Bandar yang sejahtera |
| 8 | Sistem penyampaian dan tadbir urus berkesan |
| 9 | Biodiversiti dan alam sekitar yang mampan |
| 10 | Perumahan, pembangunan wilayah dan penempatan desa bersepadu |

Pilih mana-mana **empat** idea

3. Jelaskan **dua** peranan sektor awam bagi menjayakan program kerajaan dalam Persyarikatan Malaysia. [4]

(a)

.....

(b)

.....

Skema jawapan :

| Bil | Idea | Huraian |
|-----|-------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Fasilitator | <ul style="list-style-type: none"> • Sektor awam menyediakan suasana yang kondusif bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang pesat; • Sebagaimana dan sejauh yang dibenarkan oleh peraturan dan undang-undang. |
| 2 | Perancang | <ul style="list-style-type: none"> • Peka dan responsif kepada perubahan-perubahan dalam persekitaran dunia • Merancang arah tujuan dan strategi pertumbuhan; proaktif; • Menyediakan maklumat yang betul dalam pasaran yang lebih baik |
| 3 | Pelaksana | <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sosial yang penting kepada semua rakyat; • Standard kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik. |

Pilih mana-mana **dua** idea

4. Nyatakan **empat** kumpulan yang diberikan keutamaan dalam pelaksanaan Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. [4]

- (a)
- (b)
- (c)

Skema jawapan :

| | |
|---|-----------------------------------------------|
| 1 | Kumpulan B40, miskin tegar dan rentan ekonomi |
| 2 | Masyarakat dalam transisi ekonomi |
| 3 | Masyarakat Orang Asli |
| 4 | Bumiputera Sabah dan Sarawak |
| 5 | Orang Kurang Upaya |
| 6 | Belia |
| 7 | Wanita |
| 8 | Kanak-kanak |
| 9 | Warga emas |

Pilih mana-mana **empat** idea

Bahagian B [20 markah]

*Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5 Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah, sediakan **carta** yang sesuai untuk menunjukkan perbandingan perbelanjaan perlindungan alam sekitar terpilih di Malaysia pada tahun-tahun dinyatakan.

Malaysia terkenal dengan keindahan alam sekitar yang unik. Namun untuk mengekalkan keindahan ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Perbelanjaan perlindungan alam sekitar setiap tahun menunjukkan peningkatan dan dijangka meningkat pada tahun 2017. Pada tahun 2015 jumlah keseluruhan perbelanjaan perlindungan alam sekitar berjumlah RM 2589.70 juta, dan dijangka meningkat kepada RM 2780.80 juta.

Pada tahun 2015, perbelanjaan media alam sekitar merupakan perbelanjaan terbesar dalam perbelanjaan perlindungan alam sekitar iaitu sebanyak RM 1668.10 juta atau 64.41% daripada jumlah keseluruhan. Perbelanjaan ini terdiri daripada udara, air, air bawah tanah dan bunyi bising. Pengurusan sisa juga merupakan perkara yang penting dalam negara. Perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan kedua terbanyak iaitu RM 755.50 juta daripada jumlah keseluruhan. Manakala pada tahun 2017 perbelanjaan media alam sekitar dijangka menurun sebanyak RM 8.4 juta, namun pengurusan sisa dijangka meningkat sebanyak RM 33.70 juta.

Perbelanjaan lain bagi perlindungan Alam Sekitar berjumlah RM 62.70 juta pada tahun 2015 dan dijangka meningkat kepada RM 171.70 juta pada tahun 2017. Seterusnya, perbelanjaan penilaian dan audit alam sekitar, serta perbelanjaan perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar dan habitat masing-masing mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM 56.70 juta dan RM 46.70 juta pada tahun 2015. Manakala jangkakan pada tahun 2017 mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM 97.70 juta dan RM 62.50 juta.

Penjagaan alam sekitar adalah penting bagi generasi pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, generasi kini bertanggungjawab untuk memastikan generasi akan datang dapat menikmati kualiti alam sekitar yang baik.


(Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 31 Mei 2019)

MALAYSIA: PERBANDINGAN PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR TERPILIH BAGI TAHUN 2015
DAN JANGKAAN TAHUN 2017


| TAHUN PERBELANJAAN | 2015 | | | JANGKAAN 2017 | | |
|--------------------------------------------------------------|--------------------|-----------------|----------------|--------------------|-----------------|----------------|
| | NILAI (RM Juta) | SUDUT (360°) | PERATUS (%) | NILAI (RM Juta) | SUDUT (360°) | PERATUS (%) |
| Media alam sekitar | 1668.10 | 231.89 | 64.41 | 1659.70 | 214.86 | 59.68 |
| Pengurusan sisa | 755.50 | 105.02 | 29.17 | 789.20 | 102.17 | 28.38 |
| Perbelanjaan lain perlindungan alam sekitar | 62.70 | 8.72 | 2.42 | 171.70 | 22.23 | 6.17 |
| Penilaian dan audit alam sekitar | 56.70 | 7.88 | 2.19 | 97.70 | 12.65 | 3.51 |
| Perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar dan habitat | 46.70 | 6.49 | 1.80 | 62.50 | 8.09 | 2.25 |
| JUMLAH | 2589.70 | 360.00 | 100.00 | 2780.80 | 360.00 | 100.00 |

(Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 31 Mei 2019)

MALAYSIA: PERBANDINGAN PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR TERPILIH BAGI TAHUN 2015 DAN JANGKAAN TAHUN 2017




JUMLAH: RM 2589.70 Juta



JUMLAH: RM 2780.80 Juta

Nisbah Jejari= 1: 1.04

Petunjuk:



(Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 31 Mei 2019)

6 Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **pendapatan penengah bulanan** isi rumah mengikut kumpulan etnik dan **aliran jurang pendapatan** antara kumpulan etnik pada tahun 2009, tahun 2012, tahun 2014 dan tahun 2016.

Struktur ekonomi sejak dua dekad lalu mengembangkan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat, sama ada antara kumpulan pendapatan, kumpulan etnik, wilayah mahupun dalam rangkaian bekalan. Jurang pendapatan antara etnik, sama ada etnik Bumiputera kepada etnik Cina, mahupun etnik India kepada Cina yang berkembang antara 3.5 hingga 4 kali ganda sepanjang 27 tahun lalu menjadi antara cabaran besar yang dihadapi oleh negara.

Pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi kumpulan etnik Bumiputera, Cina, dan India pada tahun 2009 masing-masing sebanyak RM2534, RM3643, dan RM2853. Hal ini menunjukkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik India-Cina RM790, manakala etnik Bumiputera-India sebanyak RM319 pada tahun tersebut.

Pada tahun 2012, pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi kumpulan etnik Bumiputera ialah RM3282, lebih rendah berbanding pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi kumpulan etnik Cina dan India yang masing-masing mencatatkan sebanyak RM4643 dan RM3676. Maka jurang pendapatan antara kumpulan etnik Bumiputera-Cina pada tahun ini adalah RM1361, India-Cina pula RM967, dan antara kumpulan etnik Bumiputera-India sebanyak RM394.

Kumpulan etnik Cina terus mencatatkan pendapatan penengah bulanan isi rumah yang tertinggi, iaitu RM5708, berbanding etnik Bumiputera sebanyak RM4214 dan etnik India pula RM4627 pada tahun 2014. Pendapatan penengah bulanan isi rumah mengikut etnik ini turut menggambarkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik juga semakin meningkat. Jurang pendapatan antara kumpulan etnik Bumiputera-Cina pada tahun ini adalah RM1494, India-Cina pula RM1081, dan antara kumpulan etnik Bumiputera-India sebanyak RM413.

Jurang pendapatan antara kumpulan etnik terus melebar pada tahun 2016. Keadaan ini jelas dilihat daripada pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi setiap kumpulan etnik. Pendapatan penengah bulanan isi rumah bagi Bumiputera adalah sebanyak RM4846, RM5428 bagi etnik India, dan bagi etnik Cina pula sebanyak RM6582.

Menangani jurang kekayaan dan pendapatan supaya rakyat yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan keupayaan ekonomi mereka diperkasakan menjadi antara justifikasi kerajaan melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.


(Disesuaikan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan
Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019)

MALAYSIA : PENDAPATAN PENENGAH BULANAN ISI RUMAH MENGIKUT
KUMPULAN ETNIK DAN ALIRAN JURANG PENDAPATAN ANTARA
KUMPULAN ETNIK PADA TAHUN 2009, TAHUN 2012, TAHUN 2014
DAN TAHUN 2016

| Kumpulan etnik \ Tahun | Pendapatan penengah bulanan isi rumah (RM) | | | |
|------------------------|----------------------------------------------|-------|-------|-------|
| | 2009 | 2012 | 2014 | 2016 |
| Bumiputera | 2 534 | 3 282 | 4 214 | 4 846 |
| Cina | 3 643 | 4 643 | 5 708 | 6 582 |
| India | 2 853 | 3 676 | 4 627 | 5 428 |
| | | | | |
| Kumpulan etnik | Jurang pendapatan antara kumpulan etnik (RM) | | | |
| Bumiputera - Cina | 1 109 | 1 361 | 1 494 | 1 736 |
| India - Cina | 790 | 967 | 1 081 | 1 154 |
| Bumiputera - India | 319 | 394 | 413 | 582 |

(Disesuaikan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
dan Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019)

MALAYSIA : PENDAPATAN PENENGAH BULANAN ISI RUMAH MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN ALIRAN JURANG PENDAPATAN ANTARA KUMPULAN ETNIK PADA TAHUN 2009, TAHUN 2012, TAHUN 2014 DAN TAHUN 2016



Bahagian C [25 markah]

7. Penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di negara ini semakin meningkat walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk menanganinya. Jelaskan.

Skema jawapan:-

| Sebab Semakin Meningkat | |
|--------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Rasa ingin tahu <ul style="list-style-type: none">• Mendorong untuk mencuba• Mencuba sesuatu yang baru. |
| 2 | Naif <ul style="list-style-type: none">• Mudah ditipu oleh pengedar dadah• Kurang pengetahuan berkaitan dadah |
| 3 | Sejarah keluarga <ul style="list-style-type: none">• Terdedah kepada ketagihan dadah• Boleh berkembang dalam kecenderungan kehidupan anak-anak |
| 4 | Pengaruh rakan sebaya <ul style="list-style-type: none">• Tekanan dari rakan-rakan• Keperluan menyesuaikan diri dalam kumpulan |
| 5 | Tekanan Hidup <ul style="list-style-type: none">• Cenderung menggunakan dadah untuk tujuan kegembiraan• Guna dadah agar terasa bahagia akibat daripada tekanan |
| 6 | Bekalan mudah diperoleh <ul style="list-style-type: none">• Kewujudan sendiket dadah• Modus operandi yang pelbagai• Penggunaan media sosial memudahkan pengedaran dadah |
| 7 | Meningkatkan prestasi diri <ul style="list-style-type: none">• Digunakan dalam bidang sukan• Penggunaan berlebihan membawa keburukan |
| 8 | Ketagihannya <ul style="list-style-type: none">• Penagih berulang semakin meningkat• Dadah adalah segalanya bagi penagih• Penggunaan ubat memberi kesan kepada tubuh• Berisiko menjadi ketagih kepada golongan belia• Penggunaan dadah dalam jangka masa yang lama dalam rawatan penyakit mental menimbulkan rasa ketagihan |
| 9. | Pengaruh persekitaran <ul style="list-style-type: none">• ramai penagih dadah di persekitaran tempat tinggalnya• penagihan dadah dianggap perkara biasa dalam kelompok komuniti ini |

Penutup

Pilih mana-mana 5 jawapan terawal murid

8 Ekonomi digital membawa kebaikan kepada sesebuah perniagaan, namun kaedah perniagaan ini berhadapan pelbagai cabaran. Bincangkan.

| NO | IDEA | HURAIAN |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Kebaikan Kos rendah | <ul style="list-style-type: none"> • Dapat menghapuskan atau mengurangkan kos penyimpanan dalam transaksi pemindahan barangan atau perkhidmatan. • Penjimatan ke atas kos buruh kerana tiada lagi peruntukan untuk membayar gaji pekerja, dan bil elektrik dan air turut dapat dijimatkan. |
| 2 | Hubungan terus dengan pengguna semakin luas | <ul style="list-style-type: none"> • Peniaga dapat berhubung terus dengan pengguna, • mendapat maklum balas secara terus tanpa melibatkan pihak ketiga tetapi juga cepat dan secara talian terus |
| 3 | Meningkatkan prospek dan pasaran luas | <ul style="list-style-type: none"> • peluang untuk mengiklan dan memasarkan barangan atau perkhidmatan lebih luas • hasil boleh dilihat dengan cepat |
| 4 | Memudahkan/mempercepat urusan | <ul style="list-style-type: none"> • peniaga dapat menjual produk dengan cepat • peniaga tidak perlu menyimpan stok dalam jangka masa lama. |
| 5 | Cabaran Dalam Perniagaan Berasaskan Ekonomi Digital Mengekalkan keselamatan | <ul style="list-style-type: none"> • Keupayaan laman web untuk melindungi maklumat peribadi pelanggan. • Polisi keselamatan juga menjadi salah satu aspek penting bagi teknologi digital dalam perniagaan |
| 6 | Daya saing | <ul style="list-style-type: none"> • Peniaga terpaksa bersaing dengan pasaran global • Peniaga perlu sentiasa kreatif dalam pasaran ekonomi digital. |
| 7 | Kualiti/mutu produk | <ul style="list-style-type: none"> • peniaga perlu mengawal kualiti produk agar standing dengan produk global • aktiviti penyelidikan dan pembangunan perlu ditingkatkan untuk meningkatkan kualiti produk. |

| | | |
|----|------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 8 | Jurang digital luas | <ul style="list-style-type: none"> • Akses internet antara bandar lebih luas berbanding dengan kawasan luar bandar • Kadar celik IT yang rendah disesetengah kawasan |
| 9 | Modal permulaan | <ul style="list-style-type: none"> • Pembelian sistem yang mahal • Perlu mengupah pakar IT dalam membina perniagaan berasaskan ekonomi digital |
| 10 | Perkembangan teknologi moden | <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan teknologi yang sesuai dalam perniagaan • Mengadaptasikan teknologi untuk mengekalkan perniagaan |

Mana-mana 2+3 / 3+2